




**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEBENARAN AM POTONGAN DARIPADA GAJI PEKERJA
(SEKSYEN 24 AKTA KERJA, 1955)**

Pada menjalankan kuasanya di bawah Seksyen 24 Akta Kerja 1955, Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dengan ini memberi kebenaran kepada **mana-mana majikan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan** untuk membuat potongan daripada gaji pekerja-pekerja asing bagi tujuan bayaran balik pendahuluan **levi pekerja asing**.

Kebenaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di muka surat 2.

Tarikh: 9 April 2013


(MOHD. JEFFREY BIN JOAKIM)
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia

Syarat-syarat kebenaran ialah:

- (i) majikan hendaklah telah melaksanakan gaji minimum berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 atau 1 Julai 2013 atau pada tarikh-tarikh penangguhan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN), semasa potongan dibuat;
- (ii) potongan gaji untuk bayaran levi hanya dibenarkan dibuat oleh majikan yang menggajikan pekerja asing yang mempunyai permit kerja atas nama majikan tersebut;
- (iii) potongan gaji bagi tujuan ini boleh dibuat terhadap semua pekerja asing yang sedang digajikan dengan permit kerja yang sah oleh majikan termasuk pekerja-pekerja yang mula digajikan sebelum 30 Januari 2013;
- (iv) potongan gaji ini tidak boleh dibuat terhadap pekerja yang dibayar gaji mengikut kadar gaji di dalam tempoh percubaan;
- (v) jumlah potongan gaji bagi tujuan ini hendaklah dibuat mengikut amaun sebenar levi bagi setiap seorang pekerja dan dibayar secara prorata sebulan untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan;
- (vi) majikan tidak dibenarkan untuk membuat potongan gaji terhadap pekerja asing yang telah membayar amaun sebenar levi secara sendiri kepada majikan bagi tujuan memperbaharui levi;
- (vii) jumlah keseluruhan potongan gaji pekerja sebulan termasuk potongan levi hendaklah tidak boleh melebihi 50% daripada gaji keseluruhan pekerja;
- (viii) majikan yang telah melaksanakan potongan gaji bagi tujuan ini hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat berhubung potongan ini; dan
- (ix) kebenaran ini adalah berkuatkuasa **serta-merta** dan **boleh ditarik balik oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia pada bila-bila masa mengikut budibicaranya, tanpa mengemukakan apa-apa alasan.**